

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan  
Sidang Akademik 1991/1992

Jun 1992

JHH 112 - Pengantar Sejarah

Masa: [3 jam]

---

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab EMPAT soalan sahaja: DUA soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

...2/-

**BAHAGIAN A**

Jawab DUA soalan sahaja.

1. "Ciri-ciri penulisan sejarah yang saintifik lebih ketara pada karya Thucydides daripada karya Herodotus". Bahaskan.  
(25 markah)
2. "Walaupun sering menerima kecaman, namun sejarawan Kristian turut memberi sumbangan mereka yang tersendiri dalam perkembangan pensejarahan Barat". Sejauh manakah benarnya kenyataan ini?  
(25 markah)
3. Bagi Hobsbawm, penulisan ala 'vulgar Marxist' itulah yang lebih besar pengaruhnya dalam pensejarahan moden, berbanding dengan penggunaan teori Marx sebagai suatu model yang lengkap. Bahaskan kenyataan ini dan contoh-contohnya dalam penulisan sejarah.  
(25 markah)
4. Bandingkan ciri-ciri pensejarahan Islam dengan pensejarahan Kristian.  
(25 markah)

**BAHAGIAN B**

Jawab DUA soalan sahaja.

5. Biasanya definisi sejarah dirujuk kepada peristiwa atau kejadian masa lalu sahaja. Apa pendapat anda tentang corak definisi seperti ini.  
(25 markah)
6. Sumber sejarah memang tidak sunyi daripada mempunyai kelemahan dan kecacatan tertentu. Bagaimanakah caranya untuk mengatasi masalah ini?  
(25 markah)
7. "Sejarah sentiasa berulang". Apakah hubungan kenyataan ini dengan masalah penyebaban dalam sejarah?  
(25 markah)
8. "Pengadilan moral adalah tidak bersangkutan-paut dengan penyiasatan sejarah dan asing daripada ruang intelek sejarah saintifik" (Butterfield). Bahaskan kebenaran pendapat ini.  
(25 markah)

oooOooo